

## “RAHSIA DISEBALIK SINAR MATAHARI”

### FAR INFRARED RAYS & BIO CERAMIC

Tidak dapat dipertikaikan lagi bahawa kehidupan di bumi ini bergantung pada sumber air dan oksigen. Beberapa makhluk yang dapat bertahan hidup di belahan bumi bahagian utara dan selatan telah menunjukkan pentingnya kehangatan yang diperolehi oleh Far Infrared Rays / FIR untuk meneruskan kehidupan.



Bio ceramic merupakan produk yang diperbuat dari 70 jenis campuran mineral oksida seperti Silica Oksida ( $\text{SiO}_2$ ), Aluminium Oksida ( $\text{Al}_2\text{O}_3$ ) dan mineral lain, Mineral ini kemudiannya dipanaskan pada suhu  $1600^\circ\text{C}$ , kemudian didinginkan. Setelah Bio ceramic ini didinginkan material Bio ceramic ini mampu memancarkan sinar merah jarak jauh / Far Infrared Rays (FIR) atau juga dikenali sebagai sinar kehidupan.

Sejarah mengenai FIR telah ditemui buat pertama kalinya oleh Spectroscopes seorang ilmuan Jerman pada tahun 1800. Sejak itu banyak kajian dari Itali, Amerika, Jerman dan Jepun yang mendapati bahawa FIR sangat menolong dalam meningkatkan tahap kesihatan seseorang. Sejak tahun 1980 penemuan yang dikeluarkan dari Amerika, Jepun, Korea dan China telah banyak mengumpulkan data-data dan bukti yang menunjukkan bahawa FIR amat baik untuk kesihatan manusia. Secara fizikal, FIR merupakan cahaya yang tidak dapat dilihat dengan mata, lurus, membias, dapat diserap, menghasilkan kehangatan dan mengharmonikan kehidupan manusia.

Radiasi FIR sangat popular di Jepun dan Korea, banyak penemuan yang ditemui dan telah diaplikasikan dalam penggunaan harian. Penelitian yang lebih terperinci mengenai FIR dijalankan oleh ilmuan Jepun menunjukkan bahawa Radiasi FIR sama dengan “QI” (kekuatan hidup) 8 mikron, panjang gelombang yang dapat memancarkan “QI GONG” iaitu terapi yang telah dipraktikkan oleh terapis Cina sejak 3000 tahun dahulu.

Gangguan pada “QI” akan mengganggu fungsi normal tubuh. Suhu normal tubuh manusia di antara  $36 - 37^\circ\text{C}$ . Ketika kita melakukan olahraga tubuh akan berpeluh dan menjadi hangat. Dalam proses ini, toksin dan racun akan dikeluarkan. Fakta menunjukkan bahawa material seperti pakaian dapat membuat tubuh menjadi panas dan berpeluh, namun tidak dapat memancarkan FIR untuk menyerap toksin dan racun tersebut. Hal ini disebabkan oleh hanya material yang mengandungi FIR sahaja yang memiliki kesan terapeutik (perbaikan) jika digunakan dalam jangka waktu panjang di mana tubuh manusia akan menerima manfaat kesihatan yang optimum.

Mengapa dikatakan bahawa 6 - 15 mikron adalah gelombang bio genetik? Pada dasarnya, panjang gelombang tersebut ditemukan pada kehidupan di

bumi ini. Kemampuan manusia untuk menyerap panjang gelombang elektromagnetik juga berada dalam range ini. Panjang gelombang antara 8 - 12 mikron ini adalah panjang gelombang yang dikeluarkan oleh tubuh manusia. Penelitian secara biologi menunjukkan bahawa panjang gelombang FIR antara 6 -15 mikron ternyata bermanfaat bagi tubuh manusia sebagai sinar bio genetik.

Dr. Toshiko Yamazaki, MD yang berasal dari Jepun sekaligus pemilik klinik terapi di Jepun merupakan salah satu ilmuwan yang mengkaji teknologi Far Infrared Rays. Dalam salah satu bukunya yang berjudul "The Science of Far Infrared Wave Therapies" beliau menemukan terapi pengobatan dari kekuatan FIR. Selain itu, masih banyak penelitian yang dilakukan oleh FIR sebagai sinar bio genetik. Salah satunya oleh Prof. Tanji yang berasal dari Jepun yang melakukan penelitian terhadap tikus putih menunjukkan bahawa sel kanser dengan aplikasi FIR dapat membantu mengupayakan sel kanser kembali ke sel normal. Inilah sebabnya dikatakan bahawa sinar bio genetik sungguh ajaib.

Para pengkaji dan spesialis dalam bidang kedokteran mengatakan bahawa tubuh dapat berinteraksi dengan cepat untuk menyerap infrared. Dikatakan bahawa FIR dapat menyebabkan molekul air di dalam tubuh manusia bergetar dan menyebabkan reaksi penyerapan, menyebabkan suhu di bawah permukaan kulit menjadi meningkat. Ini melebarkan pembuluh darah dan membuang rintangan yang dapat mengganggu metabolisme, mengaktifkan jaringan untuk menghasilkan enzim dan pada akhirnya membantu meningkatkan kesihatan seseorang.

### **Produk FIR**

Panas Infra merah bukan panas konduksi tetapi panas radiasi. Oleh itu sinar ini dapat menembusi dan meresap ke dalam tubuh. Produk ini sesuai digunakan setiap waktu dan panas yang terjadi adalah panas meresap bukan panas dari luar. Alat ini sangat baik digunakan untuk membantu pemulihan, melancarkan pengaliran, menghilangkan kaku dan lelah otot, saraf, mengaktifkan organ pencernaan dan lain-lain. (Artikel ini diambil dari buku "Reverse Aging", oleh Mr. Sang Whang. Ia adalah teknisi, ilmuwan dan penemuan dengan banyak hak paten dari USA).

#### **1. APA ITU FIR**

FIR umum dikenali dengan sinar kehidupan. Ini adalah sebahagian sinar yang tidak terlihat dari spectrum matahari dan juga diketahui sebagai sinar tidak nampak. Disebut sinar kehidupan kerana membawa kehidupan di bumi. Sampai hari ini berbagai perkembangan dan pembiakan di bumi terjadi kerana FIR dari sinar matahari. Sebagai contoh serangga, setelah bertelur serangga berharap matahari akan memanaskan telurnya sehingga menetas. Aktiviti ini dilakukan oleh FIR.

Penyu laut pula bertelur dan menguburkannya di dalam pasir. Di bawah sinar matahari terutama kerana pemanasan oleh FIR telur penyu itu menetas. Jika

tidak ada sinar matahari telur tersebut tidak akan menetas dan bumi menjadi dingin.

Beberapa orang sanggup memulihkan diri dari penyakit ringan kerana produksi FIR mereka sangatlah kuat. Ini diketahui sebagai Qi Gong atau Healing Power Of Qi Gong.

Secara fizikalnya, FIR wujud sinar yang tidak dapat dilihat oleh mata dan merupakan gelombang transverse sebagai bahagian dari spectrum elektromagnetik. FIR membias lurus dan disebarkan dan dipantulkan. Jika dikontrakan dengan tubuh yang mempunyai frekuensi resonansi yang sama, molekul cairan tubuh akan terionisasi dan FIR diserap oleh tubuh. Panas yang kita rasakan itu kerana adanya FIR.

## 2. EFEKTIF BAGI MANUSIA

Sekitar 70% tubuh manusia mengandungi air. Sel merupakan unit terkecil penyusunan organ tubuh manusia. Sel membentuk jaringan dan jaringan membentuk organ seperti hati, ginjal, jantung dll.

Di dalam tubuh manusia peranan sistem sirkulasi sangat penting terutamanya sistem sirkulasi mikro. Jika ada masalah dalam sistem sirkulasi berbagai penyakit serius akan muncul. Getaran FIR yang berfrekuensi resonansi sama dengan tubuh manusia dapat masuk ke dalam tubuh dan mengaktifkan sel, melancarkan dan memperkuat sirkulasi. Sistem ini mengatur aliran darah FIR secara optimis melancarkan pengaliran darah dan mengaktifkan tenaga vital di dalam tubuh.

Berbagai aktiviti tubuh manusia berdasarkan atas nutrisi yang diambil. Nutrisi menyediakan energy untuk tubuh kita. Pada waktu yang sama sisa metabolisme yang dihasilkan setelah penyerapan nutrisi harus dibuang dari tubuh. Proses ini disebut metabolisme. Tahap metabolisme setiap orang menunjukkan tahap kesihatannya jika ingin sihat metabolisme adalah pada tahap yang baik. FIR dapat melancarkan pengedaran darah dan dapat meningkatkan metabolisme secara berperingkat. Dengan pengedaran darah yang lancar maka daya tahan tubuh akan meningkat, memperlambatkan penuaan dan meningkatkan vitalitas.

## 3. KEUNTUNGAN PRODUK FIR

Bio ceramic adalah bahan baku yang dapat menghasilkan FIR dalam jumlah yang besar. Di bawah keadaan dan suhu yang tertentu serta keunikan struktur molekul bahan ini dapat menghasilkan FIR secara terus menerus dengan panjang gelombang 6 - 14 mikron. Panjang gelombang ini amat diperlukan oleh tubuh.

Jenis FIR ini tidak memberikan kesan negatif ke dalam tubuh manusia. Produk kesihatan FIR memberikan kesan positif bagi tubuh manusia iaitu menguatkan tubuh, menjaga kesihatan serta membantu meningkatkan daya tahan tubuh melawan penyakit. Terapi FIR ini sangat berbeza dengan kemoterapi. FIR juga sering digunakan sebagai fisioterapi di beberapa hospital atau klinik.

**BIO CERAMIC & FIR TECHNOLOGY****1. Apakah Bio Ceramic?**

Bio ceramic merupakan produk yang diperbuatkan dari pelbagai jenis campuran mineral oksida seperti Silica Oksida ( $\text{SiO}_2$ ), Aluminium Oksida ( $\text{Al}_2\text{O}_3$ ) dan lainnya. Gabungan berbagai material ini akan memancarkan sinar infra merah jarak jauh / Far Infrared Rays (FIR) .

**2. Bagaimana Bio ceramic dibuat?**

Bio ceramic diperbuat dari 70 macam jenis mineral oksida yang dipanaskan secara bersamaan pada suhu  $1600^\circ\text{C}$ , yang kemudian didinginkan. Setelah didinginkan, bio ceramic ini akan dapat memancarkan FIR.

**3. Apakah FIR?**

FIR merupakan bahagian dari spectrum sinar matahari yang tidak terlihat dengan mata lurus. Sinar ini dikenal pula dengan nama sinar bio genetic dengan panjang gelombang antara 6 - 14 mikron. Sinar biogenetic telah dibuktikan oleh para ilmuan untuk meningkatkan pertumbuhan dan kesihatan sel terutama pada tumbuhan, haiwan dan manusia.

**4. Apakah kesan dari sinar FIR?**

FIR dapat beresonansi dengan molekul air. Ia dapat mengionisasi dan mengaktifkan molekul air dalam sel dan darah serta meningkatkan pengaliran darah pada tahap kesihatan. Tubuh manusia mengandungi lebih dari 70% air, sehingga FIR memberi manfaat kepada tubuh.

**5. Apa kesan dari FIR pada tubuh manusia?**

- Mengaktifkan molekul air di dalam tubuh manusia
- Meningkatkan oksigen di dalam tubuh
- Menghangatkan dan membuang lemak, bahan kimia dan toksin dalam darah kemudian melancarkan peredaran darah.
- Mengurangi sampah sisa metabolisme dari tubuh
- Mengurangi keasaman tubuh
- Meningkatkan kesihatan dan menjaga kesegaran tubuh
- Meningkatkan sistem saraf
- Meningkatkan sistem pengeluaran peluh
- Mencegah pertumbuhan bakteria
- Meredakan rasa sakit
- Mempercepatkan keremajaan sel tubuh
- Menjaga kehangatan dan tidur yang nyenyak

**6. Apakah ada bukti efektif setelah menggunakan produk ini?**

Keefektifan produk ini telah dikaji oleh para ilmuan secara ilmiah dan banyak pengguna produk ini yang telah membuktikan kesan produk tersebut. Juga banyak testimony dari para pengguna yang telah membuktikan kesan efektif produk ini.

7. Apakah ada batas waktu menggunakan produk ini?

Tidak ada batas waktu menggunakan produk ini. FIR diperlukan setiap hari sejak lahir sampai di usia tua dan FIR tidak akan pudar dari Bio ceramic.

8. Apakah ada kesan sampingan setelah menggunakan produk ini?

Tidak ada kesan sampingan setelah menggunakan produk ini, namun ada beberapa kesan yang dapat kami sebut sebagai healing crisis.

9. Apakah itu healing crisis?

Healing crisis adalah waktu ketika tubuh melakukan proses pembuangan toksin. Proses ini dapat diikuti dengan rasa sakit atau ketidakselesaan. Dalam beberapa kes disarankan untuk terus menggunakannya. Jika kes yang terjadi menyebabkan sakit yang serius hentikan sementara dan digunakan kembali setelah gejala hilang.

10. Apakah ada kemungkinan kita tidak merasakan apa-apa setelah menggunakan produk ini?

Pada nyatanya kesan yang dirasakan oleh pengguna produk Bio sangat bervariasi tergantung dari kesihatan masing-masing. Jika kita tidak merasakan apa-apa pun setelah menggunakan produk ini tubuh kita mungkin sedang dalam tahap yang baik dibandingkan dengan lainnya. Dalam banyak kes penggunaan produk ini untuk jangka panjang akan memberikan manfaat dan sebagai usaha pencegahan diri.

11. Berapa lama waktu yang diperlukan untuk merasakan kesan ini?

Waktu yang diperlukan untuk merasakan kesan ini bergantung pada tubuh masing-masing. Pengalaman kami menunjukkan kesan yang dapat dirasakan wujud dalam waktu yang singkat.